



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 209**

**AKTA FI 1951**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

*Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Fees Act 1951. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.*

## **AKTA FI 1951**

Pertama kali diperbuat ... ... ... ... 1951 (Ordinan No. 22  
Tahun 1951)

Disemak ... ... ... ... 1987 (Akta 209 m.b.p.  
15 November 1978)

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 209****AKTA FI 1951**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**Seksyen**

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Yang di-Pertuan Agong boleh mengenakan dan menetapkan fi dan bayaran yang boleh dilevi di mahkamah dan pejabat awam
4. Perintah hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat
5. Pegawai boleh enggan bertindak sehingga bayaran dibuat
6. Fi, dll., boleh didapati sebagai denda di Mahkamah Majistret
7. Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan fi atau bayaran kena dibayar dengan setem
8. Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan fi dan bayaran kena dibayar dengan wang
9. Fi dll., yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis
10. Peremitan fi
11. Pemberhentian kuat kuasa undang-undang tertentu



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 209

### AKTA FI 1951

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi melevi fi dan bayaran untuk lesen, permit dan perkara-perkara lain yang boleh dilevi di mahkamah rendah dan pejabat awam.

[*Semenanjung Malaysia (termasuk Wilayah Persekutuan)—23 Ogos 1951; Sabah dan Sarawak—3 November 1966, P.U. (A) 405/1966]*

#### **Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Fi 1951.

#### **Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, “Senarai Persekutuan” ertinya Senarai Pertama yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, iaitu senarai yang mengandungi perkara yang berkenaan dengannya Parlimen boleh membuat undang-undang.

**Yang di-Pertuan Agong boleh mengenakan dan menetapkan fi dan bayaran yang boleh dilevi di mahkamah dan pejabat awam**

**3.** Kecuali jika diperuntukkan selainnya secara nyata oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah—

- (a) mengenakan dan menetapkan fi dan bayaran untuk lesen, permit dan tindakan, perkara atau benda lain, yang dilevi atau akan boleh dilevi di mahkamah rendah yang mempunyai bidang kuasa sivil dan jenayah serta dalam semua pejabat awam dan jabatan mana-mana Kerajaan di Malaysia; dan

(b) menentukan orang yang olehnya fi itu hendaklah dibayar dan olehnya bayaran yang itu hendaklah dibuat,

dan pada bila-bila masa boleh membatalkan atau mengubah mana-mana perintah sedemikian:

Dengan syarat bahawa fi atau bayaran yang dikenakan atau yang ditetapkan itu adalah berkenaan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.

### **Perintah hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat**

**4.** Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah seksyen 3 hendaklah dibentangkan dalam Dewan Rakyat dengan seberapa segera yang boleh, dan hendaklah disiarkan dalam *Warta*, dan hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penyiaran itu:

Dengan syarat bahawa perintah itu boleh dibatalkan atau dipinda keseluruhannya atau sebahagiannya dengan ketetapan Dewan Rakyat yang diluluskan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perintah dibentangkan dalam Dewan Rakyat, dan hendaklah sesudah itu terhenti berkuat kuasa atau berkuat kuasa sebagaimana yang dipinda tetapi tanpa menjaskan kesahan apa-apa perkara yang telah dilakukan di bawahnya terdahulu daripada itu.

### **Pegawai boleh enggan bertindak sehingga bayaran dibuat**

**5.** Pegawai mana-mana mahkamah, pejabat awam atau jabatan, yang dikehendaki supaya melakukan apa-apa jua yang kerananya fi atau bayaran boleh dikenakan atau ditetapkan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan, boleh enggan melakukan perkara itu sehingga fi dibayar atau bayaran dibuat.

### **Fi, dll., boleh didapati sebagai denda di Mahkamah Majistret**

**6. (1)** Segala fi dan bayaran yang dikenakan atau ditetapkan di bawah Akta ini boleh didapati, jika tidak diperuntukkan selainnya, melalui tatacara terus di Mahkamah Majistret mengikut cara yang

diperuntukkan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] untuk mendapatkan denda dan penalti di Mahkamah Majistret, atas aduan oleh atau bagi pihak pegawai yang kepadanya fi itu sepatutnya telah dibayar atau bayaran itu sepatutnya telah dibuat.

(2) Peraturan oleh pegawai itu bahawa fi itu telah tidak dibayar, atau bayaran itu telah tidak dibuat hendaklah menjadi bukti *prima facie* terhadap ketiadaan bayaran itu.

**Yang di-Pertuan Agong boleh mengisyiharkan fi atau bayaran kena dibayar dengan setem**

7. Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah mengisyiharkan bahawa semua atau apa-apa fi atau bayaran dikenakan atau yang ditetapkan di bawah Akta ini, hendaklah dibayar dengan setem di bawah undang-undang yang berkuat kuasa bagi pungutan duti setem di Malaysia.

**Yang di-Pertuan Agong boleh mengisyiharkan fi dan bayaran kena dibayar dengan wang**

8. Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah mengisyiharkan bahawa semua atau apa-apa fi atau bayaran di mana-mana pejabat awam dan jabatan mana-mana Kerajaan di Malaysia yang sekarang atau dengan apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 7 kena dibayar dengan setem hendaklah dibayar dengan wang, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan:

Dengan syarat fi atau bayaran itu adalah berkenaan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.

**Fi, dll., yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis**

9. Tiada apa-apa dalam Akta ini boleh menyentuh amaun apa-apa fi atau bayaran yang boleh dilevi atau dikenakan atau yang akan boleh dilevi atau dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis jika peruntukan nyata dibuat dalam undang-undang bertulis itu mengenai amaun fi atau bayaran itu.

**Peremitan fi**

**10.** Walau apa pun seksyen 9, adalah sah bagi Yang di-Pertuan Agong meremitkan kesemua atau sebahagian daripada, dan sama ada secara am atau dalam mana-mana hal tertentu atau kelas hal, apa-apa fi atau bayaran lain yang ditetapkan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan, dan Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah mengadakan peruntukan mengenai peremitan apa-apa fi atau bayaran lain dan boleh dalam perintah itu menentukan orang yang boleh memberi peremitan itu.

**Penghentian kuat kuasa undang-undang tertentu**

**11.** Ordinan Fi Negeri-Negeri Selat, Enakmen No. 37 (Fi) Negeri Kedah dan Enakmen Fi 1940 Negeri Johor hendaklah dari dan selepas 23 Ogos 1951, terhenti berkuat kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan:

Dengan syarat bahawa semua jadual fi dan bayaran lain yang dibentuk di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan atau Enakmen itu hendaklah sehingga dibatalkan dengan perintah Yang di-Pertuan Agong, terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 209****AKTA FI 1951****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahaian Undang-Undang) (Ordinan dan Proklamasi) 1958	13-11-1958
P.U. 405/1966	Perintah Pengubahaian Undang- Undang (Fi) (Perluasan ke Negeri- Negeri Borneo) 1966	03-11-1966

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 209****AKTA FI 1951****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	P.U. 332/1958	13-11-1958
4	P.U. 332/1958	13-11-1958
6	P.U. 332/1958	13-11-1958
7	P.U. 332/1958	13-11-1958
9	P.U. 332/1958	13-11-1958
10	P.U. 332/1958	13-11-1958

---

